

Mangsa banjir meningkat

MERSING - Beberapa kawasan rendah sekitar daerah ini, dilanda banjir berikutan hujan sejak beberapa hari dan diburukkan lagi dengan fenomena air pasang besar, malam kelmarin.

Jurucakap Bilik Gerakan Ibu Pejabat Polis Daerah Mersing memberitahu, jumlah mangsa banjir meningkat kepada 713 mangsa mewakili 175 keluarga terpaksa dipindahkan ke tujuh pusat pemindahan banjir berbanding 577 mangsa (137 keluarga), kelmarin.

Menurutnya, pusat pemindahan banjir di Sekolah Kebangsaan Bandar Endau terpaksa dibuka untuk menempatkan jumlah mangsa banjir terbanyak iaitu 244 mangsa daripada 57 keluarga dari Kampung Tanjung Endau, dekat sini.